



SELANGOR APPEAL BOARD LAW REPORTS

[Section 36, Town and Planning Act, 1976 (Act 172)]

Volume 1, Issue 1 [SABLR/1/1/2011, Mac 2011]

**Blumenthal Realty Sdn. Bhd, Dato' Abdul Aziz B. Ibrahim,
Tan Gim Eng V. MPAJ**

Pusat Jagaan Harian Genius V. MPSJ



SELANGOR APPEAL BOARD LAW REPORTS

Volume 1, Issue 1 [SABLR/1/1/2011, Mac 2011]

HIGHLIGHTS

Blumenthal Realty Sdn. Bhd, Dato' Abdul Aziz B. Ibrahim, Tan Gim Eng V. MPAJ

Pusat Jagaan Harian Genius V. MPSJ

MEMBERS OF SELANGOR APPEAL BOARD

Chairman

Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang (BCK, SMP, SDK, DSDK)

Deputy of Chairman

Y.Bhg. Tuan Hj. Nordin b. Sulaiman

Members

Y.Bhg. Dato' Hj. Azmeer b. Rashid
Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Mutallib b. Jelani
Y.Bhg. Datin Teh Zawahir bt. Abdul Malek
Y.Bhg. Tuan Ho Khong Ming
Y.Bhg. Prof. Ezrin Arbi
Y.Bhg. Puan Hj. Norasiah bt. Yahya
Y.Bhg. Tuan. T. Mahesan

Registrar

En. Mohd. Zainuddin b. Jumaat

Secretariats

En. Amarakaran a/l Karthigasu
En. Yuen Kai Tuck
Pn. Azlina bt. Asiar
En. Nooryady b. Mohd. Panut

Editorial

Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang

©All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without the prior written of Appeal Board of Selangor

View expressed by contributors are entirely their own and do not necessarily reflect those of the Selangor Appeal Board.

Published by:

Selangor Appeal Board

AWARDS REPORTED

FILE NO	PARTIES
LR.SEL.(83-85)MPAJ(07-09)2008	Blumenthal Realty Sdn. Bhd, Dato' Abdul Aziz B. Ibrahim, Tan Gim Eng V. MPAJ
LR.SEL.(92)MPSJ/08/2008	Pusat Jagaan Harian Genius V. MPSJ

DALAM LEMBAGA RAYUAN SELANGOR
RAYUAN NO: LR.SEL.(83-85)MPAJ/07-09/2008

DI ANTARA

TETUAN BLUMENTHAL SDN.BHD
DATO' ABDUL AZIZ B. IBRAHIM
EN. TAN GIM ENG

PERAYU

DAN

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

RESPONDEN

DAN

MALAYSIAN ASSURANCE ALLIANCE BHD (MAA)

PENCELAH

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 149 UNIT LOT BANGLO DAN 460 UNIT KEDAI PEJABAT 10 TINGKAT DENGAN 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT 1680 & 1681 (PT14250 HS(D) 24220) DAN LOT 530 & 531 (PT14251 HS(M) 10339) JALAN HULU KLANG, MUKIM HULU KLANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.

AHLI LEMBAGA RAYUAN

Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang - Pengerusi
Y.Bhg. T. Mahesan - Ahli
Y.Bhg. Hjh. Norasiah bt. Yahya - Ahli

Pendaftar
En. Mohd. Zainuddin b. Jumaat

LATAR BELAKANG

1. MPAJ sebagai responden telah meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil 13/07 pada 31 Disember 2007 kepada MAA.
2. Responden telah menolak bantahan Pihak Perayu melalui borang B pada 18.03.2008.
3. Perayu mendaftarkan kes di Lembaga Rayuan Negeri Selangor pada 04 April 2008 dan didaftarkan dalam fail **LR.SEL.(83-85)MPAJ/07-09/08**.

ALASAN RAYUAN

- a) Perayu membangkitkan isu kegagalan MAA menyediakan Laporan EIA ke atas alam sekitar dan tindakan MPAJ yang meluluskan pembangunan yang dirancang MAA tanpa mengambilkira Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).
- b) Pembangunan adalah di atas tanah kelas II yang terdiri daripada kuartz Colluvium yang mampu mengancam kestabilan geologi dan seterusnya memberi kesan kepada kerja-kerja tanah atau pembinaan teutamanya ke atas lereng-lereng bukit.
- c) Perayu berpendapat penyediaan '*retaining wall*' oleh pihak MAA bukanlah jaminan kepada keselamatan jangka masa panjang pada sesuatu pembangunan bagi mengelakkan kemerosotan tanah.
- d) Perayu membantah kerja-kerja peletupan batuan yang dijalankan oleh MAA bagi tujuan pembangunan, kerana ia membahayakan kawasan cadangan dan kawasan sekitarnya. Sekaligus mengganggu geologi tanah bagi jangka masa panjang.
- e) Perintisan Mekanikal (*mechanical hacking*) merupakan *opsyen* kepada kerja-kerja peletupan batuan. Namun yang demikian menyatakan ia akan memberi impak kepada pencemaran bunyi yang tinggi, seterusnya ia mengganggu kawasan sekitarnya yang merupakan kawasan perumahan. Sehubungan itu, Perayu membangkitkan isu MPAJ yang bertindak meluluskan pembangunan yang dicadangkan MAA.
- f) Perayu mencadangkan pihak MAA menjalankan penyelidikan terhadap geologi tanah bagi menjamin pembangunan yang lebih bersifat mesra alam.
- g) Perayu turut memberi alasan terhadap pembangunan yang akan dijalankan oleh MAA akan mengundang pelbagai masalah seperti kesesakan lalulintas, pencemaran bunyi dan pencemaran udara akibat daripada aktiviti pembangunan yang dijalankan.
- h) Perayu membantah konsep pembangunan yang melibatkan proses pembahagian lot-lot melalui kaedah *cut* dan *fill*, bagi jangka masa panjang keadaan ini akan

mendedahkan kawasan pembangunan kepada masalah hakisan dan tanah runtuh.

- i) Perayu juga memberi alasan bahawa pembangunan yang dijalankan oleh MAA akan mewujudkan konflik antara kawasan perumahan dan kawasan komersil yang dicadangkan. Ini berikutan pembangunan komersil yang dicadangkan adalah bersifat skala besar.
- j) Kegagalan pihak MAA menjelaskan kesan kerja-kerja tanah yang dicadangkan dan kerja-kerja bagi sesuatu jangka masa menyebabkan Perayu menimbulkan isu bahawa pihak MPAJ telah meluluskan pembangunan yang tidak mengambilkira aspek hartanah dengan sebaiknya.
- k) Perayu turut memberi alasan pembangunan yang dijalankan akan mengganggu sistem ekologi sekitarnya, berikutan pihak MPAJ gagal memastikan bahawa MAA akan mempunyai obligasi bagi mengekalkan badan-badan air dan anak sungai sedia ada apabila menjalankan pembangunan yang dicadangkan.
- l) Perayu turut memberi alasan bahawa pembangunan yang dijalankan oleh MAA akan mengancam kawasan yang berkecerunan. Ini akan mewujudkan masalah apabila berlaku kecemasan seperti kebakaran di mana ia menimbulkan kesulitan kepada kenderaan bomba untuk bergerak. Pelbagai alasan ini dikemukakan oleh Perayu seperti di lampiran yang berikutnya.

Sumber:

Borang A, Notis Rayuan Perayu yang didaftarkan pada 4hb April 2008

Kronologi Perbicaraan

BIL.	PERKARA	PANEL	KEPUTUSAN
1.	Sebutan 11/05/08	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	<ul style="list-style-type: none"> a) Tarikh Responden memfailkan Ikatan Dokumen Responden pada atau sebelum 3/7/2008; b) Tarikh Pihak Pencelah memfailkan Ikatan Dokumen Pencelah pada atau sebelum 19/8/2008; c) Tarikh Pihak Perayu menjawab Ikatan Dokumen Responden dan Ikatan Dokumen Pencelah pada atau sebelum 4/8/2008; d) Tarikh Pihak Responden dan Pihak Pencelah menjawab Ikatan Dokumen Perayu pada atau sebelum 20/8/2008; e) Tarikh Pihak Perayu menjawab jawapan Pihak Responden dan Pihak Pencelah pada atau sebelum 4/9/2008; dan f) Tarikh Perbicaraan ialah 10/9/2008 dan 11/9/2008.
2.	Pendengaran 10&11/09/08	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	<ul style="list-style-type: none"> a) Tarikh Perbicaraan ialah 24/11/2008 dan 25/11/2008.
3.	Pendengaran 24&25/11/08	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	Lembaga Rayuan Negeri Selangor telah menetapkan tarikh Bicara Rayuan ini akan disambung pada 04 Mei 2009 (Isnin) 05 Mei 2009 (Selasa) 02 Jun 2009 (Selasa) 03 Jun 2009 (Rabu) 04 Jun 2009 (Khamis) 24 Jun 2009 (Rabu) 25 Jun 2009 (Khamis)

BIL.	PERKARA	PANEL	KEPUTUSAN
4.	Pendengaran 04/05/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	Tarikh Sambung Bicara Rayuan ini pada 02/06/2009 dan, a) Pendengaran yang telah ditetapkan pada 05/05/2009 dibatalkan. b) Pendengaran yang telah ditetapkan iaitu pada 03/06/2009, 04/06/2009, 24/06/2009 dan 25/06/2009 dikekalkan; c) Pihak Perayu menyerahkan Ikatan Cadangannya terus kepada Pihak Pencelah pada atau sebelum 20/05/2009; d) Pihak Pencelah menjawab Ikatan Cadangan Pihak Perayu pada atau sebelum 01/06/2009; dan e) Pihak Perayu dan Pihak Pencelah memaklumkan kepada Urusetia Lembaga ini kedudukan kes ini pada atau sebelum 01/06/2009.
5.	Pendengaran 02/06/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	Pendengaran 03 dan 04 Jun 2009 adalah dibatalkan. Pendengaran yang telah ditetapkan semula pada 24 dan 25 Jun 2009.

BIL.	PERKARA	PANEL	KEPUTUSAN
6.	Pendengaran 24/06/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hjh Norasiah bt. Yahya	<p>Pendengaran Rayuan ini ditetapkan pada 13/08/2009, 14/08/2009, 25/08/2009 dan 26/08/2009 dan,</p> <p>a) Pendengaran yang telah ditetapkan pada 25/06/2009 dibatalkan.</p> <p>b) Pihak Perayu menyerahkan Ikatan Dokumen sebelum atau pada 27/07/2009;</p> <p>c) Sebutan Rayuan ini ditetapkan pada 29/07/2009; dan</p> <p>d) Pendengaran yang telah ditetapkan iaitu pada 13/08/2009, 14/08/2009, 25/08/2009 dan 26/08/2009 dikekalkan.</p>
7.	Pendengaran 29/07/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hjh Norasiah bt. Yahya	<p>Pendengaran Rayuan ini ditetapkan pada 16/11/2009, 17/11/2009, 18/11/2009, 19/11/2009, 20/11/2009, 23/11/2009 dan 24/11/2009</p> <p>a) Pendengaran yang telah ditetapkan pada 13/08/2009, 14/08/2009 dan 26/08/2009 dibatalkan;</p> <p>b) Sebutan Rayuan ini ditetapkan pada 25/08/2009; dan</p> <p>c) Pendengaran ditetapkan pada 16/11/2009, 17/11/2009, 18/11/2009, 19/11/2009, 20/11/2009, 23/11/2009 dan 24/11/2009.</p>

BIL.	PERKARA	PANEL	KEPUTUSAN
8.	Pendengaran 25/08/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	<p>Pendengaran Rayuan ini ditetapkan pada 16/11/2009, 17/11/2009, 18/11/2009, 19/11/2009, 20/11/2009, 23/11/2009 dan 24/11/2009</p> <p>a) Pihak Pencelah memfailkan Ikatan Dokumen pada atau sebelum 16/09/2009;</p> <p>b) Pihak Responden memfailkan Ikatan Dokumen pada atau sebelum 16/09/2009;</p> <p>c) Pihak Perayu menjawab Ikatan Dokumen Pihak Pencelah dan Pihak Responden pada atau sebelum 16/10/2009; dan</p> <p>d) Pendengaran Rayuan ini ditetapkan pada 16/11/2009, 17/11/2009, 18/11/2009, 19/11/2009, 20/11/2009, 23/11/2009 dan 24/11/2009.</p>
9.	Pendengaran 16/11/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	<p>Pendengaran Rayuan ini ditetapkan pada 23&24/11/2009.</p>
10.	Pendengaran 23&24/11/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	<p>menetapkan tarikh Sambung Bicara Rayuan ini pada 7 Disember 2009.</p>

BIL.	PERKARA	PANEL	KEPUTUSAN
11.	Pendengaran 07/12/09	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	menetapkan tarikh Sambung Bicara Rayuan ini pada 7hb. - 8hb. Januari 2010 dan 9 – 10hb. Februari 2010.
12.	Pendengaran 07&08/01/10	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	menetapkan tarikh Sambung Bicara Rayuan ini pada 09 – 10 Februari 2010 (dikekalkan) & 10 – 11 Mac 2010.
13.	Pendengaran 09/02/10	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	Pendengaran pada 10hb. Mac 2010 adalah Kekal dan Sambungan pendengaran pada 16hb. Mac 2010.
15.	Pendengaran 10/03/10	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	Pendengaran pada 16hb. Mac 2010 adalah ditangguhkan kepada 15hb. dan 16hb. April 2010.
16.	Pendengaran 15&16/04/10	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	perbicaraan adalah disambung pada 14hb. Mei 2010 (Jumaat).
17.	Pendengaran 14/05/10	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hj Norasiah bt. Yahya	MPAJ adalah diminta untuk mengemukakan surat kebenaran Jalan Keluar-Masuk dari MRR2 ke tapak cadangan oleh pihak-pihak berkaitan kepada pihak MAA untuk tindakan lanjut Lembaga Rayuan Selangor sebelum/pada 21hb. Mei 2010. Tarikh Pembacaan Keputusan adalah ditetapkan pada 1hb. Jun 2010.

BIL.	PERKARA	PANEL	KEPUTUSAN
18.	Pendengaran 01/06/10	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hjh Norasiah bt. Yahya	ditangguhkan dan ditetapkan semula pada 16hb. Julai 2010.
18.	Pendengaran 16/07/10	Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang Y.Bhg. Tuan T Mahesan Y.Bhg. Puan Hjh Norasiah bt. Yahya	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rayuan Pihak Perayu dibenarkan dan Kebenaran Merancang bertarikh 17hb. Mac 2008 dibatalkan; 2. Perintah ini ditangguh perlaksanaannya sehingga diketepikan oleh perintah Mahkamah Tinggi; dan 3. Kos seperti yang dipersetujui pada 15hb April 2010 akan ditanggung oleh pihak masing-masing.

Sumber:
Fail Lembaga Rayuan

DALAM LEMBAGA RAYUAN SELANGOR
RAYUAN NO: SEL.(83-85)MPAJ(07-09)/08(1)

DI ANTARA

BLUEMENTHAL REALTY SDN. BHD.
DATO' ABDUL AZIZ BIN IBRAHIM
TAN GIM ENG

PERAYU

DAN

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

RESPONDEN

DAN

MALAYSIAN ASSURANCE ALLIANCE BHD (MAA)

PENCELAH

AHLI LEMBAGA RAYUAN

Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Awang - Pengerusi
Y.Bhg. T. Mahesan - Ahli
Y.Bhg. Hjh. Norasiah bt. Yahya - Ahli

Pendaftar
En. Mohd. Zainuddin b. Jumaat

ALASAN PERINTAH

LATAR BELAKANG TAPAK

1. Status Tanah

Status asal tapak pembangunan seluas 61.64 ekar ini adalah tanah pertanian. Pada tahun 1992, pemilik asal berkenaan telah menukar syarat tanah daripada tanah pertanian kepada bangunan. Pihak Berkuasa Negeri pada ketika itu telah melulus tukar syarat tapak ini daripada pertanian kepada bangunan dengan menetapkan syarat-syarat ke atas tapak seperti berikut:-

“Tanah ini hendaklah digunakan bagi pembinaan bangunan-bangunan mengikut Pelan Pertapakan yang diperakui oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor Darul Ehsan.”

Pemilik tanah telah semasa mengemukakan pelan susunturnya kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor setuju mematuhi syarat ini untuk mendapatkan kelulusan. Pada tahun 1996, Pihak Berkuasa telah meluluskan pelan susunatur berkenaan tetapi pemilik tanah tidak mengambil tindakan susulan maka tempoh kelulusan telah luput. Pemohon terkini Malaysian Assurance Alliance Bhd iaitu pihak Pencelah telah mengemukakan permohonan baru pada tahun 2007 untuk mendapat Kebenaran Merancang baru dan telah memperolehnya pada 17 Mac 2008 dibawah rujukan Pelan No. JPG/SEL-HL/03/113/2-05B.

2. Sekatan Atas Tapak.

Tapak cadangan melibatkan 4 hakmilik lot lama yang telah dicantumkan menjadi 2 hakmilik baru iaitu Lot 1680 & 1681 telah dicantumkan dan dikeluarkan hakmilik baru iaitu Lot PT 14250 HS (D) 24220, manakala Lot 530 dan 531 telah dicantumkan menjadi Lot PT 14251 HS (M) 10339. Permohonan ini telah dikemukakan oleh Tetuan Southland Sdn. Bhd untuk menyatukan tanah di bawah Seksyen 148 dan 137 Kanun Tanah Negara (surat bertarikh 11 April 1986. Bil (B1) dlm PTG 7/257/79).

3. Topografi Tapak

Keseluruhan bentuk mukabumi adalah bercerun dan berbukit di bahagian Timur, Utara & Selatan tapak. Ketinggian tapak adalah lebih kurang 190 meter atas paras laut dengan terdapat beberapa kawasan cerun di bahagian Utara tapak. Berdasarkan maklumat analisis kecerunan yang terkandung di dalam Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) pemohon/pencelah, Malaysian Assurance Alliance Bhd 25% adalah di bawah kategori kecerunan < 15 darjah, 31.39% di bawah kategori antara 15-23 darjah, 38.56% di bawah kategori kecerunan 26-35 darjah dan 4.94% adalah di bawah kategori melebihi 35 darjah. Secara purata bahagian tengah tapak merupakan kawasan yang bercerunan

15-35 darjah manakala bagi bahagian jalan masuk cadangan pembangunan yang bersambung dengan MRR 2 (Lingkar Tengah 2), kawasan itu mempunyai kecerunan kurang dari 15 darjah (rujuk Pelan Analisis Kecerunan & Keratan Rentas didalam LCP). Tapak cadangan berada di kawasan lebih tinggi daripada kawasan kejirannya. Di sempadan Hijau Apartments, perbezaan ketinggian mencecah lebih kurang 40 meter (120 kaki) dan lereng bukitnya pula bercerun. Dari segi kategori kelas kegunaan tanah, didapati 49% kawasan tapak adalah di bawah kelas I, 47.47% di bawah kelas II dan kelas III meliputi 39.35% dan 8.21% lereng kelas IV.

Terdapat anak-anak sungai di bahagian Utara dan di bahagian Timur bersempadan dengan Menara Mutiara Jln 11, Taman Tun Abdul Razak yang dimiliki oleh Bluementhal Realty Sdn Bhd dan anak-anak sungai ini menghala ke selatan ke kolam semulajadi yang bersempadan dengan rumah Dato' Abdul Aziz Ibrahim, Pihak Perayu 2.

4. **Rayuan**

Rayuan ini adalah terhadap keputusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pihak Responden meluluskan Kebenaran Merancang seperti C1 kepada Pihak Pencelah untuk pembangunan 149 Unit Lot Banglo dan 460 Unit Kedai Pejabat 10 Tingkat dengan 5 Tingkat Tempat Letak Kereta Atas Lot 1680 dan 1681 (Lot PT 14250 HS (D) 24220) dan Lot 530 dan 531 (Lot PT 14251) HS (M) 10339 Jalan Hulu Kelang Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Pihak Perayu adalah Bluementhal Realty Sdn. Bhd. proprietor unit No. A44; A47 dan B234 Menara Mutiara Jalan 11, Taman Tun Abdul Razak, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan; Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim ialah tuannya rumah dan pemilik sebuah banglo di Taman Hijau di alamat No. 52 Taman Hijau Ukay Heights, 68000 Ampang dan Perayu 3 adalah Tan Gim Eng pemilik dan tuannya satu unit Hijau Apartments di alamat 105, Hijau Apartments, Taman Hijau, Ukay Heights, 68000 Ampang Jaya. Kedudukan tanah dan rumah mereka adalah berjiran dengan lot-lot yang hendak dibangunkan tersebut.

FAKTA KES

- i. Malaysian Assurance Alliance Bhd. (MAA) dirujuk selepas ini sebagai pihak Pencelah adalah pemilik tanah Lot 1680 dan 1681 sekarang Lot PT 14250 HS (D) 24220 dan Lot 530 & 531 dan sekarang Lot PT 14251, HS (M) 10339 dalam ukuran lebih kurang 61.64 ekar dan terletak di Jalan Hulu Kelang, Ampang Jaya, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan selepas ini dirujuk sebagai tanah tersebut.

- ii. Malaysian Assurance Alliance Bhd. atau Pencelah telah memohon Kebenaran Merancang melalui perunding Tetuan Juruasli Planning & Consultancy pada 25.7.2007 kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya iaitu Responden untuk membangunkan tanah tersebut, kepada unit-unit banglo dan rumah kedai dsb. Cadangan pembangunan adalah terkandung di dalam Pelan Susunatur yang disokong oleh satu Laporan Cadangan Pemajuan yang ditanda sebagai (Exsibit MI didalam ikatan Dokumen Pencelah). Secara ringkas cadangan pembangunan tersebut merangkumi pembinaan 149 unit-unit banglo dan 460 unit kedai pejabat 10 tingkat dengan 5 tingkat tempat letak kereta.
- iii. Pada 21.8.2007, pihak Responden telah mengeluarkan notis-notis menurut Seksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 kepada pemilik-pemilik tanah berjiran, termasuk kepada Pihak Perayu memaklumkan kepada mereka hak-hak mereka untuk mengemukakan bantahan terhadap permohonan Pencelah iaitu cadangan membangun tanah tersebut. Dikatakan Pihak Responden walaupun telah mendengar kesemua bantahan-bantahan dari pemilik-pemilik tanah yang berjiran, melulus dan mengeluarkan juga Kebenaran Merancang C1 bertarikh 17.3.2008 kepada Pihak Pencelah. Kelulusan ini sah daripada 31.12.2007 sehingga 30.12.2008.
- iv. Pihak-pihak Perayu yang terkilan dengan keputusan pihak Responden telah memfailkan Notis Rayuan menurut Seksyen 23 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Terdapat 3 Perayu dalam rayuan ini iaitu Bluementhal Realty Sdn. Bhd, Dato' Abdul Aziz Bin Ibrahim dan Tan Gim Eng. Penelitian kepada Borang A (notis rayuan) yang difailkan oleh Perayu masing-masing menunjukkan bahawa:
 - a) Bluementhal Realty Sdn. Bhd. adalah proprietor Unit A44, A47 dan B23 Menara Mutiara Apartments, Taman Tun Abdul Razak, pemilik berjiran dengan Lot 1681.
 - b) Dato' Abdul Aziz Bin Ibrahim pemilik unit rumah banglo No.52, Taman Hijau berjiran dengan Lot 531.
 - c) Tan Gim Eng pemilik satu unit apartment di Pangsapuri Hijau Apartment yang berjiran dengan Lot 531.

ALASAN RAYUAN PERAYU

Perayu di antara lain telah mengemukakan alasan rayuan mereka seperti berikut:

- i. Cadangan pembangunan ini bertentangan dengan peruntukan perancangan yang terkandung di dalam dokumen-dokumen berikut:-
 - a) Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Ampang Jaya 1995-2020 (bertarikh Oktober 1997). Menurut Garispanduan ini pengawalan pembangunan di antara lain tidak membenarkan kawasan melebihi 30 darjah untuk sebarang pembangunan;
 - b) Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semulajadi dalam Perancangan Dan Pembangunan Fizikal mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS). Garispanduan ini mengawal dan mengekalkan anak-anak sungai semulajadi seperti yang diperuntukkan di dalam garispanduan tersebut.
 - c) Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020. Dasar F25C9 telah memperuntukkan bahawa pembangunan di kawasan berkecerunan 25-35 darjah boleh dibangunkan hanya untuk pembangunan berkepadatan sederhana sahaja dan dengan syarat tertentu. Bagi kawasan kecerunan melebihi 35 darjah tiada sebarang pembangunan kecuali pembangunan infrastruktur dan utiliti sahaja;
 - d) Manual Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor (diluluskan oleh JPNS pada 6 Ogos 2006) telah menghadkan penggunaan tanah kepada 30% sahaja daripada keseluruhan keluasan tapak yang hendak dimajukan;
 - e) Garis Panduan Pengurusan Dan Perancangan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar, Perbukitan dan Tanah Tinggi Selangor Majlis Perbandaran Ampang Jaya (Jun 2007) menetapkan kawalan pembangunan di kawasan yang mempunyai ketinggian lebih daripada 150 meter dan kecerunan lebih dari 25 darjah untuk membina rumah;
 - f) Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Ampang Jaya, mengawal pembangunan di kawasan tanah tinggi yang terletak di dalam zon pembangunan, supaya berdasarkan kepada kelas kecerunan (TT1 iii) dan Jadual 4.2.2;

- g) Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Bukit, November 1997 yang memperuntukkan bahawa bagi kawasan yang mempunyai kecerunan 20 hingga 25 darjah bangunan perniagaan yang maksimum 5 tingkat sahaja dibenarkan dan bagi kecerunan 25 darjah dan lebih tidak dibenarkan sebarang pemajuan dilaksanakan dan topografi semulajadi hendaklah dikekalkan dalam keadaan asal.
- h) Manual Garispanduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor mensyaratkan pemotongan bukit hendaklah dilaksanakan dengan minimum dan tindakan pemotongan bukit bagi tujuan meratakan permukaan keseluruhan tapak pembangunan adalah tidak dibenarkan.
- ii. Pengemukaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) dan Pelan Susunatur tidak lengkap. LCP hendaklah mengandungi prinsip-prinsip dan dasar perancangan serta faktor-faktor pembangunan seperti diperuntukkan oleh S21(A) – dan yang terkandung di dalam Buku Garis Panduan Penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor Darul Ehsan.

Ada beberapa item penting yang tidak diutarakan (*highlight*) di dalam LCP berkenaan, antaranya adalah:

- Analisis kegunaan tanah dan kesannya ke atas kegunaan tanah yang bersempadan dengannya.
- Langkah-langkah bagi melindungi dan memperelokkan alam sekitar S21B(a)(i)
- Langkah-langkah untuk pemeliharaan topografi semulajadi kawasan S21B(1)(i)
- Langkah-langkah untuk pemeliharaan dan tanaman pokok-pokok S21B1(a)(ix)

Permohonan Kebenaran Merancang dianggap lengkap apabila disokong dengan Laporan Cadangan Pemajuan yang mengandungi maklumat yang cukup serta justifikasi yang jelas seperti tersebut di atas. Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001 mengulangi kehendak ini.

- iii. Pemotongan Bukit dan Perancangan Kerja Tanah Yang Berlebihan:
Manual Garispanduan Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor telah menetapkan bahawa sebarang pemotongan bukit hendaklah dilaksanakan dengan minima. Ini bermakna, tindakan pemotongan bukit bagi tujuan meratakan permukaan keseluruhan tapak pembangunan tidak dibenarkan. Daripada laporan

kerja tanah yang dikemukakan, menunjukkan bahawa kerja tanah akan berlaku sepenuhnya dengan menggunakan tanah yang ada di kawasan pemajuan. Kiraan yang terkandung di dalam laporan menyatakan bahawa lebih kurang 1.53 juta m³ tanah akan dipotong. Lihat kepada Pelan Susunatur yang dikemukakan, menunjukkan bahawa kerja tanah akan berlaku secara berlebihan (*extensive*). Ini akan tentu memberi kesan bahaya kepada lot/tanah berjiran dengannya kerana lot-lot/tanah-tanah ini adalah lebih rendah daripada kawasan pemajuan. Implikasinya risiko tanah runtuh mudah berlaku.

- iv. Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semulajadi Dalam Perancangan dan Pembangunan Fizikal memperuntukkan bahawa aliran sungai dan anak-anak sungai semulajadi hendaklah dikekalkan.
- v. Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor memperuntukkan bahawa penggunaan tanah mestilah dihadkan kepada 30% daripada keseluruhan tanah sedia ada.
- vi. Manual ini juga memperuntukkan bahawa struktur di atas rebung cerun hendaklah dianjakkan sekali ganda ketinggian cerun itu.
- vii. Pelan Susunatur yang diluluskan menunjukkan bahawa anak-anak sungai tidak dikekalkan tetapi telah digantikan dengan sistem perparitan dan ada kawasan-kawasannya telah ditukar syarat kegunaannya kepada lot-lot bangunan.
- viii. Ketidakpatuhan Ulasan Jabatan Teknikal

Ulasan Jabatan Teknikal menguatkan lagi larangan di atas iaitu:

- a) Jabatan Mineral dan Geosains Selangor Darul Ehsan/Wilayah Persekutuan dalam surat ulasan bertarikh 10.05.2007 JMG SWP (GS) 001/12/1(R1) bahawa di bahagian utara tapak terdapat cadangan sebuah takungan air seluas 50 meter persegi dan terdapat beberapa aliran sungai kecil dari arah selatan mengalir ke dalam takungan ini. Terdapat juga aliran sungai kecil di kawasan barat yang mengalir ke parit utama bersempadan dengan jalan raya.

Pihak Pemaju perlu mengambilkira kemudahan aliran sungai dan perlu mengambil langkah-langkah kejuruteraan khusus untuk mengekalkan aliran sungai tersebut.

Sebarang pembangunan serta pembinaan ke atas Kelas IV adalah tidak dibenarkan dan ia hendaklah dikekalkan sebagai kawasan hijau.

- b) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bertarikh 5 Disember 2007 (JPBD Sel/09/002/2007 Jilid 2) (22)(R1) mensyaratkan kepada Pencelah supaya memastikan prosidur Kebenaran Merancang mematuhi peruntukkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Selangor Darul Ehsan 2001.
- c) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dalam suratnya bertarikh 27 November 2007, (P2) telah menyatakan syarat-syarat untuk dipatuhi iaitu Perkara 3.4, dimana kawasan yang terlibat dengan kecerunan Kelas III dan Kelas IV hendaklah dikekalkan dan Perkara 3.5, kawasan yang menjadi aliran air semulajadi di tapak cadangan tidak dibenarkan pembangunan dan hendaklah dikekalkan.
- d) Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam suratnya bertarikh 4 Januari 2008 (P2), menetapkan syarat bahawa kawasan Kelas IV tidak boleh dibangunkan dan ia mestilah dilabelkan dalam pelan dan petunjuk (*legend*) tetapi tidak dipertunjukkan.
- e) Tiada Akses ke MRR 2
Pencelah menjelaskan bahawa cadangan pembangunan akan menggunakan akses dari MRR 2 tanpa menyedari bahawa tapak ini tiada akses sedia ada ke MRR 2 dan perlu menunjukkan bahawa beliau telah mendapat kelulusan daripada JKR Persekutuan terlebih dahulu untuk jalan keluar masuk dari tapak ke MRR 2 yang telah diluluskan di dalam Pelan Susunatur. Setakat ini tiada bukti yang Pencelah telah dapat surat kelulusan secara hitam putih atau persetujuan dari pihak yang berkuasa tersebut.
- f) Kacauganggu Kestabilan Kecerunan Bukit di Kawasan Taman Hijau
Kestabilan cerun bukit berdekatan dengan Taman Hijau akan terganggu dengan pembinaan *platform* mengikut Pelan Kerja Tanah yang dicadangkan. Ini bermakna jumlah besar batu-batu di kawasan ini akan diperolehi melalui kaedah *rock-blasting* tetapi tidak menyatakan konsep yang digunapakai supaya ia tidak melanggar larangan yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkuasa iaitu *rock blasting* tidak dibenarkan.
- g) Isu hidrologi dan perparitan:
 - i. Tidak mempunyai sebab yang munasabah mengapa tidak menggunakan data hujan (*data on rainfall*) yang terkini tetapi telah menggunakan data

10 tahun yang lalu iaitu data tahun 1997 untuk membuat pengiraan hidrologi.

- ii. Tidak mempunyai sebab yang munasabah mengapa guna *rainfall statistic* di Petaling Jaya dan tidak memberi statistik dari Bukit Antarabangsa dan Empangan Klang Gate. Ini penting kerana statistik berbeza dimana catatan hujan di kawasan ini adalah lebih tinggi dalam lingkungan 63% lebih tinggi.
- iii. Kolam takungan yang diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam suratnya bertarikh 27.4.2007 (IDP.Tab 12) tidak ada *correlation* dengan kolam takungan (*detention pond*) di dalam surat Pencelah bertarikh Ogos 2007 dan Mei 2008 Laporan Hidrologi.
- iv. Pencelah telah tidak mematuhi keperluan 5% minima sebagai kolam pemendapan dan kolam takungan air mengikut Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Darul Ehsan Edisi Pertama Jun 2006 yang mewajibkan 5% dikhaskan untuk kolam pemendapan (*siltation pond*) serta kolam takungan air untuk digunakan sebagai perangkap lumpur kekal dan kolam takungan banjir yang telah disyaratkan.
- v. Pencelah tidak mengekalkan anak sungai dan menutup kolam takungan sedia ada di sebelah utara. Ini telah melanggar larangan yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat kelulusan. Antaranya adalah seperti berikut:-

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor dalam suratnya bertarikh 27.11.2007 (IDP.Tab 37) menghendaki Pencelah mengekalkan “kawasan yang menjadi punca aliran air semulajadi di tapak cadangan dan tidak membenarkan pembangunan dan hendaklah dikekalkan”. Mengikut laporan dari perunding Pencelah (Piedra Enterprise) ia mengesahkan ada 3 anak sungai mengalir dari bahagian selatan kawasan pembangunan ke arah kolam takungan di bahagian Utara (IDP Tab 32 mukasurat 54). Tindakan menutup kolam takungan ini akan menyekat aliran anak sungai di bahagian ini. Pihak Pencelah disaran di dalam ulasan Jabatan Teknikal mengambilkira kewujudan aliran sungai dan perlu mengambil langkah kejuruteraan khusus untuk mengekalkan aliran sungai-sungai ini. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengenalpasti aliran sungai dan kolam takungan yang dilalui iaitu di bahagian Utara

tapak cadangan terdapat sebuah takungan air seluas 50 meter persegi (150 kaki persegi) dan terdapat beberapa aliran sungai kecil dari arah selatan mengalir ke dalam takungan ini. Justeru itu, jelas bahawa pihak berkuasa tidak membenarkan aliran anak sungai semulajadi ke dalam kolam yang hendak dimajukan. Garis panduan topografi jelas mengatakan bahawa aliran anak sungai perlu dipelihara dan mengadakan landskap semulajadi di kawasan sungai dan anak sungai dan dipelihara sebagai kawasan hijau. Pencelah tidak dibenarkan sama-sekali menutup aliran anak sungai dan kolam takungan di dalam proses merancang pembangunannya.

- vi. Penyelenggaraan perparitan luaran kawasan pembangunan dan dalam pembangunan:
Pihak Perayu telah membuat perhatian bahawa sistem perparitan sedia ada di bahagian timur Taman Hijau Apartments selalu melimpah dan khuatir sekiranya air limpahan dari sistem perparitan dari kawasan pembangunan mengalir ke sistem perparitan sedia ada di luar kawasan ia akan memberi risiko yang tinggi kepada Taman Hijau Apartments dan rumah Dato' Abdul Aziz Ibrahim, Perayu 2.
- vii. Penggunaan Kelas IV Untuk Padang Permainan Kanak-kanak:
Pencelah di dalam Pelan Susunaturnya menunjukkan penggunaan sebahagian daripada kawasan Kelas IV sebagai tujuan landskap dan kawasan permainan kanak-kanak. Tapak permainan kanak-kanak dan landskap tidak termasuk di dalam skop pembangunan infrastruktur dan utiliti. Maka, penggunaan kawasan Kelas IV untuk pemajuan permainan kanak-kanak dan landskap adalah satu langkah ketidakpatuhan garis panduan.
- viii. Tanah Kelas IV Tidak Boleh Dibangunkan (Mutlak):
Pemajuan atas tanah Kelas IV adalah satu tegahan mutlak. Dalam hal ini tidak dibenarkan pihak Berkuasa Tempatan iaitu Responden menggunakan budibicaranya, mengolah-olahkan tegahan ini dan membenarkan, apabila sudah wujud Garis Panduan mengenainya.
- ix. Melanggar Peruntukan Zon Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS):
Kawasan pembangunan ini adalah berada di dalam zon sensitif alam sekitar kerana berada lebih daripada 100 meter ketinggian. Rancangan Struktur Negeri Selangor menerimapakai kriteria yang disenaraikan di dalam Rancangan Fizikal Negara 2005 dimana sekatan kawasan ini

adalah bahawa pembangunan hendaklah dikawal untuk mengelakkan hakisan dan tanah runtuh.

KSAS telah memperuntukkan bahawa kawasan yang mempunyai ketinggian lebih daripada 150 meter dan kecerunan lebih daripada 25 darjah tidak boleh dirancang untuk pembangunan.

Ini bermakna Pencelah tidak boleh memajukan kawasan di bahagian utara-timur kerana kawasan ini mempunyai ketinggian lebih 150 meter dan curam lebih > 25 darjah.

- x. **Kepadatan Gunatanah Melebihi Yang Dibenarkan:**
Rancangan Struktur Negeri Selangor Darul Ehsan telah menetapkan bahawa bagi pembangunan di zon Kelas II (06° - 25°), ketinggian bangunan tidak boleh melebihi 5 tingkat. Syarat kepadatan ini perlu dipatuhi oleh Pencelah di Lot 1680. Dalam Garis Panduan Topografi pula, pembangunan tidak boleh melebihi 5 tingkat di atas tanah berbukit tetapi Pihak Responden telah dengan salah meluluskan cadangan 460 unit kedai/pejabat 10 tingkat di atas Lot 1680 iaitu berlawanan dengan piawaian ini yang ditetapkan.
- xi. **Melanggar peruntukan seksyen 21A (i) (e). Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172):**
Laporan Cadangan Pemajuan tidak membuat analisis kegunaan tanah dan tidak menyatakan kesan pembangunannya kepada tanah berjiran khususnya impak alam sekitar daripada kawasan pembangunan ke kawasan berjiran. Ini merupakan ketidakpatuhan kepada prosidur yang perlu semasa mengemukakan Laporan Cadangan Pemajuan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 21A(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Garis Panduan Topografi juga menyatakan keperluan kepada *Environmental Impact Assessment Study* dimasukkan di dalam laporan EIA bagi kawasan berbukit dan mempunyai kecerunan antara 12 -25 darjah dan ini tidak dipatuhinya.
- xii. **Penahan Dinding dan Lereng:**
Cadangan pembangunan Pencelah melibatkan pembinaan dinding penahan di bahagian barat Taman Hijau berukuran 38.5 meter. Penahan dinding pertama mempunyai ketinggian 31.5 meter. Penahan dinding yang kedua mempunyai ketinggian 7 meter. JKR dalam suratnya menyatakan bahawa bagi *concrete walls* dan *rubble walls* ketinggian

maksimum adalah 2.5 meter sahaja dan *reinforced earth walls* hendaklah 6.5 meter sahaja. Ini adalah langkah oleh JKR untuk memelihara kontur dan kecerunan bukit sebaik mungkin. Pencelah mencadang untuk bina platform yang luas dan ini memerlukan dinding penahan yang lebih tinggi. Bagi *reinforced walls* ketinggian maksimum adalah 15 meter sahaja (Laporan IKRAM 2003-2004). Oleh itu cadangan Pencelah ini tidak mematuhi piawaian yang dibenarkan oleh pihak JKR.

xiii. Amalan Kejuruteraan Yang Kurang Baik - Pembinaan kolam takungan di atas dinding penahan:

Pencelah cadangkan pembangunan melibatkan pembinaan kolam takungan di atas dinding penahan berdekatan dengan Taman Hijau. Ini adalah satu langkah yang berisiko tinggi kerana jika berlaku sahaja kebocoran akibat dari penyelenggaraan yang kurang baik atau kecuaiannya maka dinding penahan di bahagian Taman Hijau tidak akan selamat. Kaedah seperti ini sekiranya dibenarkan akan menjadi contoh yang bahaya kepada pembangunan masa hadapan.

HUJAH PENCELAH

- i. Cadangan pembangunan tersebut tidak melanggar Rancangan Struktur MPAJ atau Rancangan Struktur Negeri Selangor atas sebab-sebab berikut:-
 - a) Gambarajah utama dalam Rancangan Struktur MPAJ jelas menunjukkan bahawa tanah tersebut adalah ditetapkan untuk pembangunan.
 - b) Tidak menghalang pembangunan-pembangunan pada lereng bukit tetapi tertakluk kepada akta, dasar dan garis panduan berkaitan. Pematuhan kepada kesemua ini telah ditentukan oleh Jabatan Teknikal semasa proses meluluskan permohonan pihak Pencelah untuk Kebenaran Merancang ini.
- ii. Tuduhan bahawa pembinaan atas lereng bukit yang melebihi 30 darjah adalah melanggar Rancangan Struktur MPAJ adalah tidak benar. Rancangan Struktur Negeri Selangor membenarkan pembangunan atas cerun yang berkecerunan 30 darjah dengan beberapa syarat.
- iii. Terdapat satu kawasan/bahagian dalam kecerunan tanah tersebut yang terdiri daripada cerun Kelas IV (> 35 darjah). Tidak ada bangunan di atas kelas IV, tembok penghadang yang ditunjukkan di dalam pelan susunatur yang diluluskan, bukannya satu struktur bangunan di atas cerun ini. Amnya kawasan ini dikekalkan sebagai kawasan hijau.

Dimana terdapat binaan seperti surau dan taman permainan kanak-kanak di atas Kelas IV binaan itu merupakan bangunan tertentu sahaja.

- vi. Adalah salah bahawa cerun-cerun semulajadi adalah lebih stabil termasuk cerun Kelas IV. Dimana perlu untuk mencapai keselamatan yang cukup, cerun Kelas IV hendaklah dibentuk dengan faktor keselamatan dan termasuk membuat tembok penghadang untuk mengelakkan kegagalan cerun-cerun; maka bagi cerun Kelas IV platform setempat akan dibina dan bagi cerun Kelas IV yang besar dibiarkan sebagai kawasan hijau. Dimana terdapat binaan atas Kelas IV seperti surau, kolam takungan bersama dengan tapak permainan kanak seperti ditunjuk didalam Pelan Susunatur yang diluluskan oleh Responden menurut JPC/SEL.HL/03/113/L05B, sebahagian ini akan disentuh melalui pemotongan dan perataan (*levelling*) untuk memenuhi syarat kelulusan seperti tercatat di sub syarat 1.2 Majlis Penuh Bil 13/7 bertarikh 31 Disember 2007 bahawa rezab kawasan lapang dan tapak kemudahan awam perlu diratakan sebelum diserahkan kepada kerajaan.
- v. Adalah salah untuk membuat andaian bahawa cerun-cerun semulajadi adalah stabil pada semua masa dan andaian ini juga terpakai bagi cerun-cerun Kelas IV. Alam semulajadi tidak mengenali faktor-faktor keselamatan dan kestabilan cerun-cerun semulajadi adalah bersifat sementara. Oleh yang demikian cerun-cerun perlu dibentuk dengan faktor keselamatan yang mencukupi dan tembok penghadang dibina untuk mengelakkan kegagalan cerun-cerun setempat.
- vi. Mengenai isu penjagaan tembok-tembok penghadang, cadangan pembangunan adalah direka untuk menjadi satu pembangunan '*gated and guarded*'. Pengurusan untuk memberi kemudahan dan penjagaan tembok-tembok penghadang dan longkang adalah dipertanggungjawabkan oleh satu jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan oleh pemaju. Cadangan demikian adalah tertakluk kepada kajian semula dan kelulusan dari pihak berkenaan.
- vii. Satu zon penampan kecil dan tembok penghadang dicadang dibina di atas sempadan antara cadangan pembangunan tersebut dan Hijau Apartments. Ini merupakan keselamatan kepada penduduk Hijau Apartments dan Taman Hijau. Panjang tembok penghadang yang dicadangkan adalah > 135 meter.
- viii. Sebarang struktur yang dibina di kaki cerun harus di tempatkan pada jarak dua kali ganda ketinggian cerun (Garis Panduan Pemeliharaan Topografi dan Kawasan Berbukit). Cadangan ini tidak terpakai dalam situasi semasa di sini kerana tidak ada cerun yang terlibat kerana tanah ini telah dihadang di belakang dengan reinforced earth walls yang dicadangkan dengan zon penampan 20 meter. Diantaranya, cerun yang curam adalah berada di luar sempadan tanah Pencelah dengan Hijau Apartments

terletak di kaki cerun tersebut. Oleh itu Pencelah mencadangkan untuk memotong cerun tersebut untuk meningkatkan kestabilan kawasan tersebut.

- ix. Jenis atau kuantiti tembok penghadang yang dicadangkan tidak semestinya boleh digunakan sebagai pengukur untuk mengukur tahap bahaya atau kesensitifan atau keselamatan tanah tersebut bagi tempoh jangka masa panjang.
- x. Pihak Pencelah menyatakan lagi bahawa hanya akan terdapat satu jalan masuk ke dalam kawasan cadangan pembangunan tersebut semasa peringkat pembinaan dan ia adalah dari MRR 2.
- xi. Pihak Pencelah menyatakan bahawa selepas penyempurnaan pembangunan, pengaliran arus air semulajadi pada anak-anak sungai akan dialih ke sistem perparitan yang dicadangkan dengan mengambilkira jatuhan hujan dalam kawasan itu. Sistem perparitan dan kolam takungan telah dibina untuk menerima 100% jatuhan hujan dikawasan tersebut. Terdapat 7 kemudahan tadahan air yang terdiri daripada 6 kolam tadahan terbuka dan 1 kolam tadahan dibawah tanah untuk menguruskan air hujan. Justeru itu, kemudahan aliran air permukaan, longkang-longkang serta pembedungan telah mengambilalih tempat anak-anak sungai yang sedia ada di kawasan itu.
- xii. Kawasan 2.44 ekar tanah Kelas IV dalam cadangan pembangunan tidak pernah diambilkira sebagai kawasan hijau. Di dalam Pelan Susunatur yang diluluskan bil 11/2/2/151 bertarikh 17 Mac 2008, kawasan Kelas IV adalah ditunjukkan sebagai kawasan yang berkategori lain. Kawasan hijau di dalam cadangan pembangunan ini hanya terdiri dari kawasan yang ditetapkan sebagai hijau, atau kawasan landskap, zon penampakan dan 30% dari kawasan kolam tadahan. Pengiraan ini adalah dilakukan mengikut Manual Garispanduan Piawai Perancangan Negeri Selangor Darul Ehsan Keseluruhan kawasan tanah yang disediakan bagi kawasan hijau adalah 8.23 ekar tidak termasuk tanah Kelas IV.
- xiii. Pihak Pencelah telah bersetuju untuk menyediakan zon penampakan dan meletakkan tembok penghadang 20 meter dari garis sempadan untuk mengurangkan risiko bahaya kepada lot-lot bersempadan dengannya.
- xiv. Pihak Pencelah mengatakan bahawa Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam surat mereka bertarikh 18.5.2007 bahawa JAS tidak mempunyai bantahan kepada cadangan pembangunan Pihak Pencelah tersebut jika Pihak Pencelah menepati kelulusan EIA yang dikeluarkan pada tarikh 3.8.2005.

JAWAPAN RESPONDEN KEPADA ALASAN RAYUAN PERAYU

- i. Pelan susunatur yang diluluskan adalah pelan terkini setelah mengambilkira semua ulasan jabatan-jabatan teknikal terlibat iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD), Unit Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), IKRAM, Pejabat Tanah Daerah Gombak (PTD) dan Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).
- ii. Rancangan Struktur MPAJ 1998-2020, TTI (IV)M/SIV67) menyatakan bahawa kawasan-kawasan yang mempunyai kecerunan 20 darjah dan lebih boleh dibangunkan untuk pembangunan terhad. Manakala Rancangan Struktur Negeri Selangor 2004-2020 (F25 CB/M/S.IV-IV8) menyatakan bahawa tiada kelulusan Kebenaran Merancang boleh diberikan kepada kawasan berkecerunan 35 darjah dan lebih. Pihak Responden menegaskan bahawa Responden dalam mempertimbangkan permohonan pihak Pencelah telah merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Selangor 2004-2020 (F25CB(M/S. 4-48).
- iii. Pemantauan yang tertentu telah disyaratkan.
 - Responden telah menarik perhatian pihak Pencelah bahawa pihak Pencelah perlu mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA sepanjang kerja-kerja pembangunan dilaksanakan.
- iv. a) Pembukaan jalan melalui Jalan II Taman TAR adalah di atas keperluan pihak IKRAM & JMG kerana terdapat perbezaan tanah yang tinggi bagi kawasan 42 lot rumah sesebuah (bersebelahan Taman TAR) dengan pembangunan selebihnya perbezaan tanah yang tinggi ini tidak sesuai dan tidak selamat untuk dibina jalan. Jadi harus satu-satunya jalan keluar ke lot ini adalah melalui Jalan II Taman TAR.

b) Responden telah menegaskan kepada Pencelah bahawa akses untuk jentera seperti lori, hendaklah melalui lebuh raya MRR 2 dan jalan utama iaitu Jalan II, Taman TAR, Ampang Jaya. Pencelah tidak dibenarkan melalui kawasan perumahan yang mempunyai jalan sedia ada.
- v. Kelulusan juga mengambilkira dasar kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan iaitu semua permohonan pembangunan yang terlibat dengan Kelas III dan IV (> 35 darjah) perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar, Selangor Darul Ehsan (JKSAS) terlebih dahulu. JKSAS ini telah berkuatkuasa pada 7/3/2005. Pencelah ini telah mendapat kelulusan JKSAS pada

- 13/12/2006 didalam mesyuarat JKAS Bil 5/2006 dengan syarat kawasan Kelas IV > 35 darjah tidak dibenarkan untuk pembangunan kerana mendapat bantahan daripada penduduk.
- vi. Bahawa pihak Pencelah telah diisyaratkan untuk menyelenggara struktur tembok penahan dan longkang-longkang awam sehingga penyerahan dan pengambilan alih dilakukan secara rasminya oleh pihak Responden.
 - vii. Berdasarkan kepada semakan ketinggian 7 tembok penahan yang dicadangkan oleh pihak Pencelah adalah 13.28m pada bahagian yang berjiran dengan Hijau Apartments (rujuk kepada Pelan Rentasan no. Lukisan AP/205/BW/LS/01)
 - vii. Permohonan Pencelah telah mematuhi Rancangan Struktur Selangor Darul Ehsan 2004-2020 iaitu:
 - a) Cadangan 460 unit kedai pejabat 10 tingkat dengan 5 tingkat TLK adalah di atas tanah berkecerunan kelas I & II (< 25 darjah).
 - b) Pelan Susunatur telah mengambilkira ulasan jabatan-jabatan teknikal dan mendapat sokongan semua jabatan teknikal yang terlibat (IDR-G I II) iaitu Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Selangor (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Mineral & Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), IKRAM, Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Jabatan Kejuruteraan MPAJ.
 - ix. Responden menggunakan Rancangan Struktur Negeri Selangor kerana Rancangan Struktur Negeri Selangor adalah yang terkini dan terbaru (IDR 6.8 a). Dengan erti kata lain, Garis Panduan yang baru akan memansuhkan yang lama.
 - x. Pencelah telah mendapat kelulusan JKAS pada 13/12/2006 di dalam mesyuarat JKAS Bil 5/2006 dimana JKAS telah mensyaratkan bahawa kawasan kelas IV (> 35 darjah) sahaja tidak dibenarkan untuk pembangunan.
 - xi. Penyelenggaraan struktur tembok penahan dan longkang-longkang awam akan dilakukan oleh pihak Pencelah sehingga penyerahan dan pengambilan alih dilakukan secara rasmi oleh pihak Responden/Kerajaan.
 - xii. Ketinggian tembok penahan yang dicadangkan dibahagian Hijau Apartments adalah 13.28 m (no lukisan : AP/208/EW/L5/01).

- xii. Pelan susunatur Pencelah yang telah diluluskan telah mengasingkan di antara kawasan hijau dengan kawasan lapang. Kawasan Kelas IV tidak disentuh.

ULASAN AHLI PANEL

Pihak Responden semasa mempertimbangkan sesuatu permohonan untuk Kebenaran Merancang hendaklah berasaskan kepada undang-undang dan garis panduan tertentu iaitu:

- i) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- ii) Manual Garis Panduan Piawai Perancangan Negeri Selangor 2006;
- iii) Rancangan Struktur Negeri Selangor 2004-2020;
- iv) Rancangan Struktur MPAJ 1995-2020;
- v) Garis Panduan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi, Kementerian Sumber Asli; dan
- vi) Garis Panduan Pemeliharaan Topografi Semulajadi Dalam Perancangan Dan Pembangunan Fizikal JPBD 15/97, dikuatkuasa oleh Negeri Selangor pada 21 September 1999.

Kuasa budibicara hanya boleh digunakan sekiranya diperuntukkan oleh akta dan garis panduan-garis panduan di atas.

- a) Peruntukan Undang-Undang dan Garis Panduan Perancangan Untuk Dipatuhi: Garis panduan diwujudkan untuk dipatuhi. Maka adakah sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa membuat pengecualian secara sendiri tanpa rujukan kepada peruntukkan berkenaan. Di sini Pihak Respondan tidak menunjukkan bagaimana ia sebagai satu Pihak Berkuasa Tempatan boleh berbuat demikian, iaitu memberi kecuialian kepada pematuhan Rancangan Pemajuan dan Garis Panduan yang diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk digunapakai. Pihak Berkuasa Tempatan MPAJ dalam membuat keputusan meluluskan pembangunan yang dicadangkan oleh Pencelah bergantung hampir semata-mata kepada ulasan sokongan daripada Jabatan-Jabatan Teknikal, sedangkan pengawalan perancangan pembangunan telah pun diperuntukkan di bawah undang-undang perancangan yang berstatus '*statutory*' iaitu setiap pembangunan hendaklah mematuhi Rancangan Struktur yang disediakan dengan Garis Panduan dan dasar perancangan yang telah ditetapkan. Maka Pihak Berkuasa Tempatan MPAJ tidak boleh semata-mata menggunakan ulasan jabatan-jabatan teknikal tanpa menapis dan menyesuaikan dengan pelan pembangunan tempatan yang berstatus *statutory*. Apabila telah wujud sesuatu peraturan dan/atau garis panduan yang *statutory* kuasa *discretion* tidak boleh dipakai kecuali kalau terdapat ayat itu kabur atau tidak jelas dan budibicara

hanya boleh diguna jika diperuntukkan oleh undang-undang atau garis panduan yang wujud.

Dalam konteks kes ini, ada beberapa fakta yang bersifat *statutory* dan wajib digunapakai sebelum memproses Pelan Susunatur untuk kelulusan Kebenaran Merancang, antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Rancangan Struktur Ampang Jaya 1995-2020_
Walaupun Pihak Responden telah menggunakan Rancangan Struktur Negeri Selangor tetapi Rancangan Struktur Ampang Jaya 1995-2020 masih sah dan terpakai sewaktu permohonan diterima. Perkara ini tidak dinyatakan di dalam Laporan Cadangan Pemajuan. Jadi apabila dokumen rujukan ini iaitu Laporan Cadangan Pemajuan tidak lengkap dan perkara-perkara *statutory* tidak dinyatakan, ini adalah satu ketinggalan (*omission*) prosidur yang mencatatkan sesuatu permohonan untuk mendapat kelulusan Kebenaran Merancang.

Jelas bahawa Pencelah telah melanggar prosidur permohonan Kebenaran Merancang dengan mengutarakan satu Laporan Cadangan Pemajuan yang tidak menyebutkan Rancangan Struktur mana yang dirujuk dan dasar serta garis panduan perancangan mana yang dipatuhi.

- ii) Pengujudan Anak-anak Sungai
Hujah Pencelah bahawa tidak ada sungai dengan sendirinya telah dipatah oleh Pencelah sendiri yang menyatakan bahawa kemudahan aliran air permukaan telah diperuntukkan dan longkang-longkang disediakan bagi tujuan pengalihan untuk mengambil tempat anak sungai yang sedia ada di kawasan itu. Peta Topografi yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia menunjukkan wujudnya anak-anak sungai ini dan tidak menyokong pengataan Pencelah ini. Oleh itu bagaimana boleh pihak Responden terlepas pandang perkara ini dan meluluskan?
- b. Syarat-Syarat Kelulusan Daripada Jabatan-Jabatan Teknikal
Jabatan Teknikal telah menyenaraikan syarat-syarat perancangan yang dilarang dan perlu dipatuhi, antaranya adalah:
